Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2026, Vol.11(1), hlm. 59 - 72
e-ISSN: 2600-8726© Angelica Mastun
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

SEJARAH MUZIUM RUMAH BAMBU KAMPUNG SUNSURON, TAMBUNAN (2010-2022)

History of the Bamboo House Museum in Kampung Sunsuron, Tambunan (2010-2022)

Angelica Mastun*

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
*Corresponding author: angelicamastun@gmail.com

Dihantar: 20 Jun 2026 / Penambahbaikan: 27 Ogos 2026
Diterima: 29 Oktober 2026 / Terbit: 31 Disember 2026

Abstrak

Artikel ini mengupas sejarah, seni bina dan koleksi Muzium Rumah Bambu Kampung Sunsuron, Tambunan dalam usaha memelihara warisan budaya masyarakat Dusun. Menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan, analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual bagi tempoh 2010 hingga 2022, kajian mendapati bahawa muzium ini berperanan sebagai pusat pemeliharaan warisan, pendidikan, pendokumentasian sejarah tempatan dan pelancongan budaya. Namun, muzium masih menghadapi cabaran seperti kekangan kewangan, pemuliharaan, promosi dan pengurusan pameran. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penulisan sejarah tempatan dan memperkukuh usaha pemeliharaan warisan budaya masyarakat Dusun.

Kata Kunci : Muzium Rumah Bambu, Warisan Budaya, Masyarakat Dusun, Pemuliharaan, Tambunan

Abstract

This article explores the history, architecture, and collections of the Kampung Sunsuron Bamboo House Museum in Tambunan to preserve the cultural heritage of the Dusun community. Employing a qualitative approach through library research, document analysis, observation, and interviews conducted between 2010 and 2022, the study finds that the museum serves as a center for heritage preservation,

education, local history documentation, and cultural tourism. However, the museum still faces challenges such as financial constraints, conservation, promotion, and exhibition management. It is hoped that this study will contribute to the literature on local history and strengthen efforts to preserve the cultural heritage of the Dusun community.

Keywords **:** *Bamboo House Museum, Cultural Heritage, Dusun Community, Conservation, Tambunan*

Pengenalan

Muzium merupakan institusi yang penting pada peringkat global kerana muzium merupakan sebuah tempat yang menyimpan barang-barang lama tinggalan manusia pada masa lalu dan diakui sebagai sebuah institusi yang memainkan peranan penting dalam mengumpul, memelihara dan memulihara khazanah warisan sejarah serta budaya sesebuah negara yang dapat memperkukuhkan jati diri dan kefahaman masyarakat tentang nilai sejarah dan identiti mereka. Muzium juga berperanan sebagai pusat pendidikan yang dapat menerangkan tentang sesuatu peristiwa atau sejarah lampau berdasarkan bukti-bukti tinggalan sejarah (Ahmad Farid Abd Jalal et al., 2020: 123-126). Misalnya, koleksi artifak seperti senjata tradisional, pakaian zaman dahulu dan pelbagai hasil seni yang boleh memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang perkembangan tamadun manusia.

Sehubungan itu, Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM) menyatakan bahawa muzium merupakan sebuah institusi tetap yang tidak berasaskan keuntungan dan terbuka kepada umum untuk perkhidmatan masyarakat agar bukti-bukti tinggalan sejarah dapat dipelihara dan dipamerkan untuk tujuan pendidikan dan hiburan. Dengan itu, penubuhan muzium merupakan salah satu langkah proaktif yang diambil oleh kerajaan dalam usaha mengekalkan khazanah warisan sejarah dan budaya bangsa agar tidak hilang ditelan zaman. Kerajaan Malaysia juga membina pelbagai muzium di seluruh negara agar generasi akan datang dapat melihat sendiri budaya dan warisan sejarah yang terdapat di Malaysia. Hal ini kerana, masyarakatnya terdiri daripada pelbagai etnik dan usaha ini merupakan sebuah langkah untuk memastikan kesinambungan identiti kebangsaan dan memperkasakan kesedaran untuk memahami sejarah dan budaya tempatan.

Penubuhan muzium di Malaysia bukan sahaja dapat menjelaskan tentang budaya dan sejarah masa lampau, malah ia juga dapat mempamerkan keunikan budaya kita yang pelbagai kepada dunia luar melalui sektor pelancongan. Dapat kita lihat melalui penubuhan Muzium Rumah Bambu yang terdapat di Kampung Sunsuron, Tambunan. Muzium Rumah Bambu ini melambangkan kebudayaan masyarakat kaum Dusun dan ditubuhkan untuk mempamerkan khazanah warisan budaya tempatan yang telah hilang disebabkan arus pemodenan. Oleh itu, seni bina muzium ini adalah menggunakan buluh, kayu dan daun nipah yang mencerminkan gaya hidup masyarakat Dusun pada zaman dahulu. Muzium ini bukan sahaja mempamerkan seni binanya, tetapi ia juga mempamerkan peralatan tradisional dan adat resam kaum Dusun di Tambunan. Secara keseluruhannya, kajian ini dilakukan untuk melihat sejarah perkembangan Muzium Rumah Bambu Kampung Sunsuron, Tambunan.

Foto 1: Muzium Rumah Bambu dan *Watu Tinuridong*



Sumber: Kajian Lapangan, 7 Disember 2025

Sejarah Tambunan dan Kampung Sunsuron

Daerah Tambunan terletak di pedalaman Sabah dengan keluasan kira-kira 134 679 hektar atau 520 persegi. Daerah ini berada kira-kira 80 kilometer dari Kota Kinabalu. Bentuk muka bumi di Tambunan adalah berbukit-bukau dan dikelilingi oleh Banjaran Crocker serta Banjaran Gunung Trusmadi. Tambunan turut digelar sebagai "Switzerland of The East" kerana iklimnya yang sejuk dan tenang. Daerah ini terdiri daripada tujuh mukim, iaitu Sunsuron, Kirokot, Patau, Lintuhun, Toboh, Namadan dan Monsok. Berdasarkan bancian 2010, Tambunan mempunyai 36 297 penduduk dan majoritinya berbangsa Dusun (Pejabat Daerah Tambunan, 2026).

Sejarah Tambunan turut dikaitkan dengan cerita lisan masyarakat Kadazandusun tentang asal usul nama daerah tersebut. Menurut cerita lisan yang diwarisi secara turun-temurun, nama Tambunan daripada gabungan dua nama pahlawan, iaitu Gombunan dan Tamadon. Kisahnya bermula ketika Gombunan bersama pengikutnya dari Nunuk Ragang merupakan antara kumpulan awal yang meneroka kawasan Tambunan dan membina penempatan di kawasan tersebut. Namun, mereka kemudiannya diserang oleh puak Tonsundung sehingga menyebabkan Gombunan terbunuh. Selepas itu, puak Tamadon dari kawasan bukit-bukau di sebelah barat berhijrah ke kawasan tersebut dan bergabung dengan pengikut Gombunan untuk menentang puak Tonsundung. Kemenangan gabungan kedua-dua puak tersebut diraikan melalui pesta tradisi dan akhirnya mereka menamakan semula penempatan tersebut menjadi Tambunan, hasil gabungan perkataan "TAM" daripada Tamadon dan "BUNAN" daripada Gombunan. Dengan itu, lahirlah nama Tambunan yang digunakan sehingga kini (Pejabat Daerah Tambunan, 2026).

Kampung Sunsuron pula merupakan salah sebuah kampung dalam Mukim Sunsuron yang terletak kira-kira 11.8 kilometer dari Pekan Tambunan (MySabah, 2016). Kampung ini didominasi oleh masyarakat Dusun, khususnya sub-etnik Bundu dan Liwan, serta terkenal dengan keindahan sawah padi dan tapak warisan seperti *Guritom*, *Watu Tinuridong* dan Muzium Rumah Bambu. Tarikh sebenar pembukaan kampung ini tidak direkodkan secara rasmi, namun sejarah lisan menunjukkan bahawa kampung ini telah wujud sebelum kedatangan British di Borneo Utara (Temu Bual, Albort Ten Tamit, 2026). Asal usul nama Sunsuron ini mempunyai beberapa versi, antaranya berasal daripada perkataan "sunsuyon" yang merujuk

kepada jambatan buluh yang digunakan penduduk untuk menyeberangi Sungai. Terdapat juga cerita yang mengaitkan nama tersebut dengan keadaan Sungai Sunsuron yang deras yang disebut sebagai *bosuron* yang sering melimpah ketika hujan lebat (Temu Bual, Albort Ten Tamit, 2026).

Foto 2: Tugu Tamadun dan Gombunan



Sumber: Kajian Lapangan, 18 April 2026

Foto 3: Kampung Sunsuron, Tambunan



Sumber: The Borneo Vibes, Youtube, 2025

Selain itu, nama kampung ini juga dikaitkan dengan kisah lagenda yang berkaitan dengan suara makhluk halus yang sering didengari oleh seorang pemburu di tepi sungai (Temu Bual, Albort Ten Tamit, 2026). Walaupun sebahagian cerita tersebut bersifat lisan dan mitos, tetapi sejarah ini mencerminkan hubungan rapat masyarakat Dusun dengan alam sekitar serta kesinambungan kepercayaan dan budaya yang diwarisi. Sehingga kini, Kampung Sunsuron masih mengekalkan budaya, adat resam dan semangat kekitaan melalui amalan gotong royong serta kerjasama komuniti. kewujudan tapak warisan seperti *Guritom*, *Watu Tinuridong* dan Muzium Rumah Bambu turut memperlihatkan kepentingan Kampung Sunsuron sebagai kawasan yang kaya dengan sejarah dan warisan budaya masyarakat Dusun.


Latar Belakang dan Perkembangan Muzium Rumah Bambu

Muzium Rumah Bambu Kampung Sunsuron, Tambunan merupakan salah satu tapak warisan budaya masyarakat Dusun yang dibangunkan bagi memelihara seni bina tradisional, sejarah dan identiti budaya masyarakat setempat. Penubuhan muzium ini berasaskan sebuah rumah bambu tradisional yang mempunyai nilai sejarah dan budaya kepada masyarakat Kampung Sunsuron. Kedudukannya yang berhadapan dengan *Watu Tinuridong* turut memperkukuh kepentingan kawasan tersebut sebagai sebuah tapak warisan yang berkait rapat dengan sejarah masyarakat tempatan (Oliver *et al*., 2022: 72-73).

Perkembangan muzium bermula daripada cadangan Datuk Joseph Pounis Guntavid untuk memelihara Rumah Bambu dan *Watu Tinuridong* sebagai warisan budaya (Temu Bual, Emmanuel Goukit, 2026). Pada tahun 2010, Jabatan Muzium Sabah telah mengadakan rundingan dengan pemilik asal rumah bagi mendapatkan persetujuan untuk menjalankan usaha pemuliharaan dan membangunkan rumah tersebut sebagai sebuah muzium. Penubuhan ini bertujuan memastikan warisan seni bina tradisional masyarakat Dusun dapat dipelihara, didokumentasi dan diperkenalkan kepada generasi muda serta generasi akan datang (Temu Bual, Maxmillian Stanis Takong, 2026). Sepanjang tempoh 2010 hingga 2022, Muzium Rumah Bambu mengalami perkembangan melalui proses pemuliharaan, pembangunan kemudahan dan pengurusan tapak secara berterusan. Kerjasama antara Jabatan Muzium Sabah, penduduk kampung dan

jawatankuasa berkaitan telah menyumbang kepada pemeliharaan serta pembangunan muzium. Dalam tempoh tersebut, muzium bukan sahaja berfungsi sebagai institusi pemuliharaan warisan budaya, tetapi turut menjadi lokasi aktiviti komuniti, pusat pendidikan dan salah satu tarikan pelancongan budaya di daerah Tambunan.

Foto 4: Kedudukan Muzium Rumah Bambu berhadapan dengan Watu Tinuridong



Sumber: Gunung Wakid, Facebook, 2018

Foto 5: Keadaan Rumah Bambu pada Tahun 2016



Sumber: MySabah, 2016

Foto 6: Keadaan Rumah Bambu pada Tahun 2020



Sumber: Nailuj Mij Official, Youtube, 2020

Seni Bina dan Koleksi Muzium Rumah Bambu

Muzium Rumah Bambu yang terletak di Kampung Sunsuron, Tambunan, merupakan manifestasi fizikal yang memperlihatkan keunikan seni bina vernakular masyarakat Dusun. Pembinaan struktur ini sangat bergantung pada penggunaan bahan semula jadi tempatan secara lestari, khususnya buluh, kayu keras, dan rotan. Reka bentuk kediaman yang didirikan di atas tiang tinggi serta aplikasi sistem pengudaraan bersilang semula jadi merupakan tindak balas adaptif masyarakat peribumi terhadap iklim tropika. Ciri-ciri reka bentuk ini mencerminkan kearifan tempatan yang mendalam dalam menyatukan sesebuah ruang binaan dengan ekologi persekitaran (Nur Daliah Dahlan & Ghaffarianhoseini, A., 2016: 174-180).

Lebih daripada sekadar struktur pelindung fizikal, susunan ruang dalaman rumah ini menterjemahkan hierarki sosial dan gaya hidup tradisi masyarakat Dusun. Susun atur ruang dibahagikan secara sistematik kepada beberapa bahagian utama yang mempunyai fungsi khusus; antaranya *sirang* (ruang anjung terbuka yang berfungsi

sebagai zon transisi dan interaksi sosial bersama tetamu), *dumpang* (ruang tamu utama bagi aktiviti komunal keluarga), *damping* (ruang peribadi atau bilik tidur), dan *dompuran* (ruang dapur dan perapian yang menjadi pusat aktiviti harian). Pembahagian ruang ini membuktikan kewujudan sempadan sosiokultural yang jelas antara ruang umum, separa umum, dan peribadi dalam tata cara kehidupan masyarakat Dusun pada masa lampau.

Foto 7: Teknik Ikatan Rotan



Sumber: MySabah, 2016.

Keunikan seni bina Muzium Rumah Bambu ini bukan sahaja terletak pada pemilihan bahan rimbanya, tetapi diperkukuh oleh penguasaan teknologi pembinaan asas yang mengekalkan keaslian struktur kejuruteraan. Sistem struktur utama yang menanggung beban bangunan disokong oleh tiang kukuh menggunakan kayu *burini*, sejenis kayu keras dipilih kerana ketahanannya terhadap kelembapan tanah dan serangan anai-anai (Emmanuel Goukit, 2026). Selain itu, komponen seni bina pelengkap seperti lantai, panel dinding, dan kerangka bumbung memanfaatkan sepenuhnya penggunaan buluh, manakala komponen penghubung seperti tangga dan ambang pintu dibina melalui penggabungan bahan buluh dan kayu. Kelestarian struktur ini dijamin melalui aplikasi teknik ikatan rotan yang rumit (Daily Express, 2004). Sistem tanggam tanpa paku dan ikatan rotan ini menawarkan keanjalan mekanikal yang tinggi pada bangunan, membolehkan struktur kediaman menyerap daya kinetik dan lebih berdaya tahan terhadap sebarang gegaran. Ciri-ciri ini memperkukuh hakikat bahawa masyarakat Dusun memiliki pengetahuan etnobotani

dan kejuruteraan peribumi yang praktikal dalam mengoptimumkan sumber alam demi memenuhi keperluan sosial serta mendepani cabaran persekitaran mereka (Felix Tongkul, 2002: 23).

Muzium Rumah Bambu turut bertindak sebagai repositori kebudayaan kebendaan masyarakat Dusun. Koleksi artifak etnografi yang dipamerkan, merangkumi peralatan harian, instrumen pertanian, kelengkapan memburu, dan perabot tradisi, tidak sekadar dipamerkan secara terasing. Sebaliknya, muzium ini mengaplikasikan pendekatan muziologi berasaskan konteks ruang asal, yang mana setiap koleksi ditempatkan mengikut fungsi ruang kediaman tradisional tersebut; sebagai contoh, kelengkapan memasak diletakkan di *dompuran*, manakala peralatan membawa hasil tanaman seperti *wakid* ditempatkan berhampiran *sirang*. Strategi susun atur pameran yang menyeluruh ini menyediakan gambaran visual yang berkesan, lantas membolehkan penyelidik dan pengunjung meneliti cara hidup, interaksi ruang, serta dinamika budaya kebendaan masyarakat Dusun secara holistik. Kesimpulannya, pengekalan seni bina vernakular dan integrasi pameran artifak etnografi di Muzium Rumah Bambu ini membentuk hubungan simbiotik. Kedua-duanya saling melengkapi dalam mendokumentasikan, mewacanakan, serta memelihara kesinambungan warisan peradaban masyarakat Dusun di Tambunan agar terus kekal relevan sebagai rujukan generasi masa hadapan.

Isu dan Cabaran

Muzium Rumah Bambu Kampung Sunsuron memainkan peranan penting dalam pemeliharaan warisan budaya masyarakat Dusun. Namun, institusi ini mendepani pelbagai isu dan cabaran yang mengancam kelestariannya. Cabaran paling ketara ialah kemerosotan drastik jumlah pelawat, khususnya akibat impak pandemik COVID-19 yang telah melumpuhkan aktiviti pelancongan dan kunjungan fizikal(Temu bual, Maxmillian Stanis Takong, 2026). Situasi ini telah merencatkan fungsi utama muzium sebagai medium pendidikan awam dan destinasi pelancongan budaya. Bagi mengatasi kemelut ini, pihak JMNS telah merangka strategi penganjuran kempen promosi pascapandemik yang agresif melalui kerjasama dengan agensi pelancongan kerajaan negeri dan pempengaruh media sosial wajar dilaksanakan secara berterusan untuk menarik kembali kehadiran pelancong domestik serta antarabangsa.

Foto 8: Kerosakan pada Struktur Bumbung Muzium Rumah Bambu



Sumber: Kajian Lapangan, 18 Disember 2025

Dari aspek fizikal dan kewangan, kekurangan peruntukan dana kekal sebagai halangan utama dalam menampung kos penyelenggaraan dan pemuliharaan struktur bangunan tersebut (Mohamad Ikmal Mat Piyan et al., 2025: 692-694). Kerumitan ini diburukkan lagi oleh sifat material binaan berasaskan bahan semula jadi seperti buluh dan rotan yang sangat terdedah kepada ancaman cuaca tropika, kelembapan melampau, agen biologi seperti kulat dan anai-anai, serta proses pereputan yang pantas. Penyelenggaraan berterusan ini menuntut kos yang tinggi serta tenaga kerja mahir yang semakin berkurangan. Sebagai langkah intervensi, pihak JMNS harus mengaplikasikan teknik pemuliharaan pencegahan (*preventive conservation*), seperti penggunaan rawatan awetan bahan kimia yang mesra alam ke atas struktur buluh bagi memanjangkan ketahanannya tanpa menjejaskan nilai keaslian warisan.

Cabaran lain merangkumi kesukaran mendapatkan bekalan bahan binaan mentah, kekangan dalam strategi pemasaran, infrastruktur papan tanda arah yang tidak strategik, ketiadaan majlis

perasmian rasmi yang menjejaskan nilai publisiti, serta kelemahan dalam sistem perekodan koleksi pameran. Kepincangan tadbir urus dan infrastruktur ini membuktikan bahawa usaha pengekalan Muzium Rumah Bambu menuntut pemantapan pengurusan yang menyeluruh. Bagi menangani isu kekurangan bahan binaan, inisiatif pewujudan kawasan rizab botani komuniti khusus untuk penanaman spesies buluh terpilih perlu diusahakan. Isu dokumentasi pula dapat diselesaikan secara tuntas melalui pembangunan pangkalan data inventori artifak bersistem digital untuk merekodkan setiap perincian spesifikasi dan nilai sejarah pameran. Penambahbaikan infrastruktur fizikal seperti pemasangan papan tanda yang seragam serta penganjuran acara perasmian rasmi berprofil tinggi amat kritikal bagi melonjakkan tahap kebolehlihatan muzium ini kepada khalayak umum.

Secara holistiknya, penyelesaian kepada pelbagai kepincangan ini menuntut wujudnya sinergi dan kerjasama strategik yang utuh. Pihak Jabatan Muzium Sabah dan komuniti setempat dan pihak berkepentingan perlu membentuk sebuah jawatankuasa tindakan bersama. Kolaborasi rentas agensi ini amat penting bagi memastikan segala perancangan pemuliharaan, penyaluran dana, dan pelaksanaan dasar dapat dijajarkan dengan berkesan, sekali gus memastikan Muzium Rumah Bambu terus ampuh berfungsi sebagai institusi pemeliharaan, pendidikan, dan penyebaran warisan budaya masyarakat Dusun pada masa hadapan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa Muzium Rumah Bambu Kampung Sunsuron, Tambunan merupakan sebuah institusi warisan yang mempunyai nilai sejarah, budaya dan pendidikan yang penting dalam memelihara warisan masyarakat Dusun. Perkembangannya sepanjang tempoh 2010-2022 memperlihatkan usaha pelbagai pihak dalam memulihara rumah tradisional tersebut serta mengekalkan fungsinya sebagai medium pemeliharaan dan penyampaian pengetahuan warisan kepada masyarakat. Keunikan seni bina yang menggunakan bahan tempatan, termasuk kayu burini, buluh dan rotan, serta koleksi peralatan tradisional yang dipamerkan turut memperlihatkan cara hidup, kemahiran pertukangan dan budata material Dusun pada masa lalu.

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa kelestarian Muzium Rumah Bambu masih berhadapan dengan beberapa cabaran, khususnya dari aspek peruntukan kewangan, pemuliharaan struktur, promosi, pengurusan dan dokumentasi koleksi. Oleh itu, kerjasama antara pihak pengurusan, kerajaan dan masyarakat setempat amat penting bagi memastikan muzium ini terus berfungsi sebagai pusat pemeliharaan warisan, pendidikan, pendokumentasian sejarah tempatan dan pelancongan budaya. Dengan demikian, Muzium Rumah Bambu bukan sahaja menjadi bukti keunikan warisan masyarakat Dusun, malah berperanan penting dalam memastikan warisan tersebut terus dikenali dan diwariskan kepada generasi akan datang.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Ahmad Farid Abd Jalal, Awang Azman Awang Pawi & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2020). Konsep Muzium Baru: Analisis Kritikal Pemikiran Kolonial Terhadap Bangsa Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*. Vol. 3(1): 122-147.

Felix Tongkul. (2002). *Sistem Tradisional Masyarakat Orang Asal Sabah, Malaysia: Kebijaksaan yang Dikumpul Sepanjang Generasi*. Penampang: PCOS TRUST.

Mohamad Ikmal Mat Piyan, Indera Syahrul Mat Radzuan, Zarina Shamsudin & Nur Yuhanis Ismon. 2025. Cabaran dalam Pemuliharaan Bangunan Muzium Perak di Taiping. *Research in Management of Technology and Business*. Vol. 6(1): 690 701.

Nur Dalilah Dahlan & Ghaffarianhoseini, A. 2016. Comparative Study on The Thermal Environmental Responses of Indigenous Bamboo and Modern Brick Houses in Hot-Humid Climate of Malaysia. *Jurnal Teknologi (Science & Engineering)*. Vol. 78(11): 173-181.

Oliver Valentine Eboy, Jaqueline Pugh-Kitingan & Baszley Bee B. Basrah Bee. 2022. *Megalit Tambunan Pemetaan GIS untuk Pelancongan*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Sumber atas Talian

Daily Express. 2004. *The Tambunan Bamboo House*. 4 Oktober.

Laman Web Rasmi Jabatan Muzium Malaysia. Permuziuman. Dipetik dari https://www.jmm.gov.my/ms/permuziuman pada 13 Jun 2025.

Laman Web Rasmi Pejabat Daerah Tambunan. Sejarah Daerah. Dipetik dari https://pdtambunan.sabah.gov.my/page/perutusan/5933 pada 14 April 2026.

Laman Web Rasmi Pejabat Daerah Tambunan. Tambunan The Guide. Dipetik dari https://pdtambunan.sabah.gov.my/page/text_pic/5994 pada 14 April 2026.

MySabah. 2016. Sunsuron Homestay in Tambunan, the Valley of Bamboo. Dipetik dari https://www.mysabah.com/wordpress/sunsuron-homestay-tambunan/ pada 15 April 2026.

Temu Bual

Albort Ten Tamit. 2026. 57 tahun. Ketua Kampung Sunsuron Bawah. 29 April 2026.

Emmanuel Goukit. 2026. 58 tahun. Ketua Pejabat Muzium Tambunan. 9 Mei 2026.

Maxmillian Stanis Takong. 2026. 59 tahun. Ketua Bahagian Kg. Warisan dan Lanskap. 19 Mei 2026.